

**P.U.(A) 354/2000**

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PENGUBAHSUAIAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 166 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Pengubahsuaian 2000)**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2000.

**Ubahsuaian**

2. Seksyen 165 Akta diubahsuaikan dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(4A) Apa-apa syarat yang dikenakan berhubung dengan kelulusan yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia atau terma debentur yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia menurut perenggan (e) Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*] sebelum 1 Julai 2000 boleh, selepas 1 Julai 2000, diubah atau diubahsuaikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 32 Akta."

Dibuat 27 September 2000.

[S(8.02)443-20 Jd. 6; PN(PU<sup>2</sup>)523/II]

DAIM ZAINUDDIN  
*Menteri Kewangan*